

UMS – UNTL Jalin MoU Kukuh Kerjasama Serantau

Published: Tuesday, 01 April 2014 17:05 | [Print](#) | Hits: 2114

Share 0

Recommend

Share 0

Tweet

Share

G+ Share 0



SELASA, 01 APRIL - Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman bersama National University of Timor-Leste (UNTL) pada Isnin.

Pemeteraian memorandum tersebut telah disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Najib Tun Razak dan rakan sejawatnya dari Republik Demokratik Timor Leste, Kay Rala Xanana Gusmao di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Pada majlis itu, UMS diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah; manakala UNTL pula

diwakili Rektor, Dr Aurelio Guterres.

Melalui perjanjian berkenaan, pihak UMS dan NUTL akan berkerjasama dalam bidang pendidikan, penyelidikan serta terlibat dalam perkongsian kepakaran. MoU itu juga akan melibatkan mobiliti pelajar dan kakitangan.

Dalam pada itu, UMS juga bakal menjadi kunci hubungan baik antara Malaysia dan republik itu dengan beberapa lagi jalinan kerjasama yang ditandatangani esok.

Turut diadakan Majlis Konvokesyen Komemoratif bagi memberi anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Hubungan Antarabangsa kepada Kay Rala di Dewan Canselor UMS.

Kay Rala juga akan merasmikan Pusat Perhubungan UMS-Timor Leste di Galeri Akademik dan Penyelidikan Bangunan Canselori. –SS

Bahagian Media dan Citra
Jabatan Canselori

Gambar: Ernest Berinus